

PELAKSANAAN PERJUMPAAN *TOOLBOX* DI TAPAK BINA

MOHD AL KAUSAR BIN ABDULLAH

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

ABSTRAK

Merujuk kepada statistik kes kemalangan di tapak bina yang tinggi (JKKP, 2009), dapat dilihat bahawa masih terdapat sesetengah pihak pengurusan projek pembinaan yang kurang menekankan aspek keselamatan kepada para pekerjanya. Kelemahan ini mungkin dari aspek penyebaran maklumat berkaitan dengan keselamatan dan kesihatan di tapak bina kepada para pekerja dan mungkin juga prosedur-prosedur keselamatan yang longgar. Selain itu, adalah menjadi tanggungjawab pihak majikan atau pengurusan tapak bina untuk menyampaikan maklumat tentang prosedur keselamatan di tapak bina kepada pekerjanya. Perjumpaan *toolbox* merupakan salah satu kaedah untuk pihak pengurusan tapak bina untuk menyampaikan maklumat kepada para pekerja di tapak bina. Persoalan kajian ini adalah untuk mengenalpasti cara yang digunakan untuk pelaksanaan *toolbox* meeting di tapak bina dan masalah yang timbul semasa melaksanakan perjumpaan *toolbox* ini. Objektif bagi kajian ini adalah untuk mengenalpasti cara-cara yang digunakan oleh pihak pengurusan tapak bina semasa melaksanakan perjumpaan *toolbox* ini dan juga mengenalpasti masalah yang timbul semasa perjumpaan *toolbox* ini dilaksanakan. Untuk tujuan ini, satu set borang soal selidik telah disediakan dan diagihkan kepada 20 orang responden masing-masing di Johor Bahru dan Kuala Lumpur. Hasil penyelidikan mendapati beberapa cara yang digunakan oleh pihak pengurusan tapak bina untuk melaksanakan perjumpaan *toolbox* ini dari aspek masa, tempat, tempoh masa, topik dan perkara yang dibincang, pihak yang mengendalikan perjumpaan itu serta pihak yang wajib hadir ke perjumpaan. Selain itu, masalah-masalah yang timbul semasa perjumpaan *toolbox* ini dilaksanakan juga telah dikenalpasti untuk tindakan lanjut dari pihak pengurusan tapak bina.

ABSTRACT

According to statistic of high accident cases in construction site (JKKP, 2009), it can be seen that there are management of construction project who are less emphasizing in security aspect towards construction workers. This weakness may come from information delivering relate to security and health in construction site towards construction workers and might also unstrict security procedures. Besides, it is the responsibility of employer or site management in delivering the security procedure information to site workers. Toolbox meeting is one of the method for site management to deliver such information to site workers. The purpose of this research are to identify the methods which are used to execute toolbox meeting in construction site and the problems occur during its implementation. The objectives of this research are to identify the methods which are used by site management in implementing toolbox meeting and to identify the problems occur during its implementation. As for this purpose, one set of questionnaire has been prepared and distributed to 20 respondents in Johor Bahru and Kuala Lumpur. Research outcomes have found several methods which are used by site management in implementing this toolbox meeting in aspect of time, venue, duration, discussed topics, its organizer and who are compulsory to be present in that meeting. Besides, the problems occur during implementation of toolbox meeting have been identified for further actions to be taken by site management.